

MAHATHIR

1977

129

MELAKA, 9 OKT (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU AHLI-AHLI UMNO DI MELAKA SUPAYA MENGHENTIKAN USAHA-USAHA MENEGAKKAN BENANG BASAH TETAPI SEBALIKNYA HENDAKLAH MEMATUHI KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH MAJLIS TERTINGGI UMNO DALAM MENYELESAIKAN KRISIS.

PEMANGKU PERDANA MENTERI ITU BERKATA AHLI-AHLI UMNO SEHARUSNYA PADA KETIKA INI MENINGGIKAN AZAM UNTUK MENYATU-PADUKAN BARISAN PARTI AGAR KEKUATANNYA DI SINI AKAN TERUS KUKUH DAN UTUH.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA SEGALA PERASAAN TIDAK PUAS HATI HENDAKLAH DIATASI MENGIKUT PERLEMBAGAAN PARTI DAN MENGGUNAKAN BADAN-BADAN TERTENTUNYA DAN TIDAK MENGIKUT PERASAAN SENDIRI.

BELIAU YANG JUGA KETUA UMNO PERHUBUNGAN NEGERI MELAKA, MENGINGATKAN DEMIKIAN KETIKA MEMBERI PENERANGAN DAN PENJELASAN MENGENAI KRISIS MELAKA KEPADA AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO BAHAGIAN KOTA MELAKA, JASIN, BATU BERENDAM, ALOR GAJAH, PERGERAKAN WANITA DAN PEMUDA DI DEWAN HANG TUAH DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA AHLI-AHLI UMNO HENDAKLAH MEMPUNYAI SEPENUH KEYAKINAN KEPADA PERJUANGAN PARTI KERANA DENGAN SIKAP DEMIKIANLAH KEKUATAN DAN KETEGUHAN PARTI AKAN TERJAMIN. —  
BERSAMBUNG 1552/A1

££

B568:

MAHATHIR 2 MELAKA

KATANYA, MAJLIS TERTINGGI UMNO KETIKA MEMBUAT KEPUTUSAN YANG DICAPAI TELAH TIDAK MENYEBELAHI MANA-MANA PIHAK TETAPI MENG-  
ANGGAP KEDUA PIHAK SAMA-SAMA SALAH DAN YANG HANYA BETUL  
IALAH PARTI UMNO SENDIRI.

KATANYA, MAJLIS TERTINGGI BERPENDAPAT JIKA IA MENYEBELAHI  
SESUATU PIHAK BOLEH MENYEBABKAN PERPECAHAN PARTI DI NEGERI INI DAN  
KESANNYA LEBIH BURUK LAGI YANG MESTI DIJAUHI.

+OLEH ITU DALAM MENCAPAI PENENTUAN, KITA TELAH MEMPASTIKAN  
BAHAWA HANYA UMNO AKAN KEKAL DAN MENGANGGAP SAMADA MEREKA YANG  
BERSENGKETA ITU AKAN TERUS KEKAL SEBAGAI TIDAK BERAPA PENTING,+  
TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA JAWATANKUASA PERHU-  
BUNGAN UMNO NEGERI YANG DIKETUAINYA AKAN MENELITI SETIAP PERGERAKAN  
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DARI UMNO TERMASUK KETUA MENTERI  
DAN AHLI-AHLI EXCO.

DISAMPING ITU, KATANYA, MAJLIS TERTINGGI AKAN MEMERHATI PER-  
JALANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO NEGERI INI DAN AKAN MENYELESAIKAN  
SEGALA MASALAH YANG AKAN DIKEMUKAKAN KEPADANYA.

INI DENGAN SECARA TIDAK LANGSUNG BERMAKNA MAJLIS TERTINGGI UMNO  
SENDIRI MENGAWASI DAN MENENTUKAN PERGERAKAN POLITIK DAN KERAJAAN  
NEGERI. -- BERSAMBUNG 1556/A1

### MAHATHIR 3 MELAKA

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN, TINDAKAN INI BUKAN BERMAKNA UNTUK MERENDAH-RENDahkan DEWAN UNDANGAN NEGERI TETAPI SEBALIKNYA UNTUK MEMBAIKI KEADAAN SEKARANG.

KATANYA, JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI YANG BARU TIDAK AKAN MENYEBELAH MANA-MANA PIHAK DALAM SEGALA PERTELINGKAHAN PADA MASA HADAPAN DAN SEGALA KEPUTUSAN YANG AKAN DIAMBILNYA KELAK DALAM MENGHADAPI MASALAH-MASALAH INI ADALAH MUKTAMAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KEANGGOTAAN JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO DIPERINGKAT NEGERI DAN BAHAGIAN YANG BARU ADALAH BERKECUALI DARI PIHAK-PIHAK YANG BERSENGKETA DALAM KRISIS SEKARANG.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN BELIAU DAN KEEMPAT-EMPAT KETUA BAHAGIAN ITU AKAN MENGUNDUR DIRI DAN MENYERAHKAN PENTADBIRAN UMNO NEGERI INI KEPADA ORANG MELAKA SENDIRI SETELAH PASTI BAHAWA KRISIS SEKARANG TELAH SELESAI.

TURUT HADIR DIPERJUMPAAN LEBIH SATU JAM TALAH DATUK ALI HAJI AHMAD (KETUA BAHAGIAN BATU BERENDAM), DATUK HAJI OTHMAN ABDULLAH (KETUA BAHAGIAN ALOR GAJAH), DATUK HAJI MUSTAPHA JABAR (KETUA BAHAGIAN JASIN), KETUA MENTERI, HAJI GHANI ALI, PEMANGKU SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA, HAJI SULAIMAN PELASTIN, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN MOHAMAD ISA (KETUA BAHAGIAN KOTA MELAKA) TIDAK HADIR KERANA BELIAU KINI BERADA DI LUAR NEGERI. — BERSAMBUNG 1607/A1

### MAHATHIR 4 MELAKA

MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA BAHAGIAN-BAHAGIAN ALOR GAJAH, JASIN DAN BATU BERENDAM TELAH DIADAKAN PETANG INI DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA-KETUA BARU MEREKA MANAKALA BAHAGIAN KOTA MELAKA TELAH MENGADAKAN MESYUARAT PERTAMA MEREKA PADA 2 OKTOBER.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR BAHAWA PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN AKAN MENENTUKAN SAMADA KRISIS PAS DI NEGERI KELANTAN AKAN DIBINCANGKAN OLEH BARISAN NASIONAL.

KATANYA, MAJLIS TERTINGGI UMNO TELAH MENYIAPKAN SATU LAPURAN LENGKAP MENGENAI KRISIS ITU YANG AKAN DISERAHKAN KEPADA PERDANA MENTERI SEKEMBALINYA DARI LUAR NEGERI TIDAK LAMA LAGI. — BERNAMA 1609/A1